

Surat khabar: Utusan Sarawak (Ekonomi)

Hari/Tarikh: 10/5/2013

Muka surat: E1

Tajuk : Pesta Makanan Etnik Damai.

Utusan Sarawak**JUMAAT • 10 Mei 2013 • 29 Jamadilakhir 1434H •****E**

Pesta Makanan Etnik Damai

MARLINDA MARDZUKI

KUCHING, Khamis — Pusat peranginan terkenal, Damai Beach Resort (DBR) akan mengetengahkan menu makanan tradisional Sarawak melalui pengajuran Pesta Makanan Etnik Damai 2013 bermula 11 hingga 12 Mei ini.

Pengurus Besar DBR, Zulkifli Othman berkata, pesta yang berlangsung selama dua hari itu diajak bagi menarik kedatangan pelancong dalam dan luar negara ke DBR sekali gus menjadi platform untuk para pengusaha tempatan mempromosikan produk makanan tradisional masing-masing.

Menurutnya, selain memiliki kepelbagai budaya, Sarawak turut mempunyai pelbagai makanan etnik yang lazat dan berkhasiat yang mampu menambah selera pengunjung tempatan dan pelancong asing.

Dengan adanya kerjasama daripada Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC), penduduk Kampung Santubong, Kampung Buntal, Kampung Sun-

gai Lumut serta para pengendali makanan yang popular di Kuching, pesta ini sudah pasti dapat menarik lebih ramai masyarakat khususnya pelancong untuk datang ke DBR demi mencuba makanan etnik dari negeri Sarawak, ujarnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang media Pesta Makanan Etnik Damai 2013 anjuran DBR di Pejabat Jualan DBR, Tingkat 1, Sarawak Plaza di sini pagi tadi.

Turut hadir, Pengarah Pelancongan dan Bahagian Riau dan SEDC, Edwin Abit dan Setiausaha Kehormat Pertubuhan Kanser Kanak-Kanak Negeri Sarawak (SCCS), Ramli Mamat.

Mengulas lebih lanjut, Zulkifli berkata, sebanyak 40 gerai makanan tradisional termasuk gerai yang menjual barang kraftangan dan cenderamata disediakan untuk kemudahan para pengusaha tempatan dalam memperkenalkan produk masing-masing.

Antara produk makanan tradisional yang akan ialah laksa Sarawak, mi kolok, umai, ayam masak pansuh, linut, midin bela-

can dan lain-lain, jelasnya.

Pada masa yang sama, tam-bahnya, aktiviti seperti Pertandingan Memancing, Persembahan Kebudayaan dari penuntut Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Bermukum dan Berjoged, Pertandingan Memasak serta Pertandingan Mewarna turut diadakan bagi memeriahkan lagi acara tersebut.

Sehubungan itu, katanya, pihaknya mensasarkan seramai 2,000 hingga 3,000 orang yang akan hadir pada acara itu nanti, memandangkan penerimaan daripada orang awam setakat ini, adalah amat menggalakkan.

Sehingga ke hari ini kita telah berjaya menjual banyak kupon untuk pesta tersebut dan untuk itu, kita menjangkakan jualannya akan terus meningkat, katanya.

Oleh itu, Zulkifli berkata, orang ramai dipelawa untuk hadir ke Pesta Makanan Etnik Damai 2013 yang diadakan di DBR mulai jam 10 pagi hingga enam petang.

Bagi sesiapa yang berminat untuk mendapatkan kupon untuk pesta ini, mereka boleh menghubungi pihak jawatankuasa

pengajur, Cik Hayati ditalian 082 846999 atau 016 8737642 atau melalui emel di hayati@damaibeachresort.com, ujarnya.

Dalam pada itu, beliau memberitahu pihaknya juga menjemput kanak-kanak dari Pertubuhan SCCS dan Rumah Kanak-Kanak (RKK) Kuching untuk turut sama menyertai acara itu.

Kita menjemput 20 kanak-kanak masing-masing dari SCCS dan RKK Kuching untuk menyertai acara ini dan berharap acara ini akan mencuri perhatian mereka dengan pelbagai aktiviti menarik, katanya.



JEMPUTAN ... Zulkifli Othman (kiri) bersama Edwin Abit (kanan) menyampaikan replika kad jemputan kepada SCCS pada sidang media Pesta Makanan Etnik Damai 2013 anjuran DBR di Pejabat Jualan DBR, Tingkat 1, Sarawak Plaza di Kuching, semalam.